

21 APR 1998

DR MAHATHIR HARAP JEREBU TIDAK GANGGU SUKAN KOMANWEL

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap keadaan berjerebu tidak akan mengganggu Sukan Komanwel ke 16 yang dijadualkan berlangsung di sini, pada September ini.

Beliau juga menyatakan keyakinnya bahawa tiada acara sukan itu yang akan dibatalkan memandangkan kerajaan telah mengambil langkah-langkah tegas untuk menangani masalah jerebu.

Beliau berkata demikian semasa menjawab pertanyaan wakil-wakil media asing mengenai kesan jerebu pada Sukan Komanwel selepas melancarkan Majlis Malaysia-British di sini.

Dr Mahathir juga berkata, persiapan bagi sukan itu berjalan lancar dan Malaysia akan bersedia untuk melangsungkannya.

"Apa yang kita bimbangkan, ialah persiapan atlit-atlit kita sendiri. Mereka perlu berlatih supaya dapat bertanding dan memenangi pingat," katanya.

-- BERNAMA

MAM PR